Memperbaiki Islam di Malaya

Al-Ustādh Dhūlkifli Muḥammad penulis rencana ini ialah pelajar Melayu di kuliah al-Shāri'ah – Azhar, dan juga diamrikan Univerisiti Mesir. Pernah menjadi yang Di-Pertua Persekutuan Putra Semenanjung di Mesir, dan sekarang sedang berehat di Perak.

Dengan tujuan hendak menarik perhatian masyarakat di sini maka tulisannya yang berharga ini kita peturunkan dari majalah "Pembangunan" lidah rasmi pelajar-pelajar Melayu di Mesir.

Islam, sebagaimana yang kita ketahui, adalah suatu agama dan cara pemerintahan. Memisahkan Islam daripada pemerintahan dan hidup sehari-hari adalah suatu kesalahan yang berbahaya. Walaubagaimanapun keadaan dan kenyataan yang kita pandang sekarang di beberapa negeri Islam di dalam erti kata "agama" sahaja, kita tetap menegaskan bahawa Islam adalah satu agama dan cara pemerintahan. Ya! Iaitu suatu agama yang sanggup memimpin manusia ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat.

Islam Agama dan Pemerintahan

Jadi, dengan fahaman yang luas itu, apabila kita memperkatakan soal Islam maka mestilah kita perkatakan di dalam erti pemerintahan dan agama. Dengan itu pula soal memperbaiki Islam di Malaya menjadi soal politik nombor satu. Ini bukannya agakan yang tak berdasar. Sebaliknya iaitu satu kepercayaan yang mesti ditanamkan di dalam jiwa kita.

Kalau Islam hendak diperbaiki di Malaya di dalam erti yang luas itu maka pertamanya penduduk-penduduk Malaya yang Islam itu mestilah mempunyai kuasa penuh di dalam pemerintahan dalam erti perundangan dan pelaksanaannya. Hanya ketika itu sahaja ada kemungkinan pembaikan yang sebenarnya. Jadi sebarang perjuangan di Malaya untuk Islam maka semestinya perjuangan politik. Jika tidak, maka iaitu hanya perjuangan Islam pada nama sahaja.

Sebagai buktinya pendapat ini, kita dapat merenung bagaimana Pakistan umpamanya dapat melaksanakan berbagai-bagai tuntutan dan hukum Islam setelah Pakistan mencapai kemerdekaan. Kemungkinan pembaikan dalam kedudukan dan pengaruh Islam dalam negara Islam yang merdeka adalah sangat besar. Di Indonesia, Pakistan, Mesir serta di negara-negara Islam yang merdeka pada masa ini, dengan kehendak keadaan dan desakan rakyat. Secara selangkah-langkah, tentulah lebih banyak diberikan tenaga untuk memenuhi tuntutan Islam daripada negeri-negeri lain yang penduduk-penduduk Islamnya masih diperintah orang lain.

Dari keterangan itu jelaslah bagi kita bahawa di antara lain-lain, memperbaiki Islam di Malaya berkehendak kepada "kuasa" memperbaiki kedudukan dan mempertinggikan tarafnya. Kuasa itu jika diertikan dengan erti pemerintahan maka di Malaya dengan keadaan sekarang, tentulah tak ada. Tetapi dengan ertinya hanya agama yang bermakna perhubungan hamba dengan tuhan dan sedikit-sedikit hal sakhsiah maka kuasa itu ada di tangan D.M.M Sultan-sultan Melayu, akan tetapi kita tidaklah mengertikan itu sebagai kebebasan beragama Islam di Malaya. Sebab kebebasan beragama Islam itu hanya menurut hukum ajaran Islam dalam semua lapangan hidup dan itu sahaja dengan tak ada hukum yang lain.

Menurut keadaan Malaya sekarang dan dengan kuasa yang ada pada D.M.M Sultan-sultan Melayu untuk menyelenggarakan hal agama dengan erti yang sempit tadi masih banyak pembaikan yang boleh dijalankan. Susunan pentadbiran agama di Malaya dengan Majlis Ulama dan Jabatan Agama serta Komiti Penasihat Agama kepada Mesyuarat Raja-raja Melayu itu, buat tangga permulaan, bolehlah disebut cukup bagi menjalankan pembaikan itu.

Langkah-langkah Majlis Ulama Dikehendaki

Langkah-langkah perundangan di dalam Majlis Ulama dan Komiti Ulama yang tetap di samping Mesyuarat Raja-raja Melayu bolehlah dijalankan dengan menyemak semula undang-undang yang ada sekarang dengan mengetatkan kelonggarannya hingga sejauh yang mungkin. "Undang-undang Muhammadan" yang ada itu bertambah rapi dan sungguh. Di dalam meneruskan langkah-langkah itu penguatkuasa Undang-undangan Muhammadan (yang sebenarnya, dan sepatutnya diubah kepada kepada undang-undang Islam) hendaklah ditegaskan. Selagi langkah perundangan itu tidaknya keluar daripada kuasa agama maka langkah benar-benar untuk meluaskan undang-undang itu dan membesarkan pengaruh dan lingkungannya hendaklah dijalankan.

Jelas sekali dengan bertambahnya undang-undang di dalam erti kata agama itu bahawa kuasa perundangan yang ada pada pegawai agama bertambah luas dan dengan bertambahnya kuasa mereka itu pengaruh dan kehebatan agama bertambah pula. Dengan begitu Islam di Malaya bertambah bererti.

Akan tetapi patut diingatkan bahawa kuasa membuat undang-undang yang diberikan kepada Majlis Ulama atau Komiti Penasihat Agama kepada Mesyuarat Raja-raja Melayu itu hendaklah diiringi dengan kuasa pelaksanaannya dengan sepenuh erti. Untuk itu pula tentulah alat-alat dan pegawai-pegawai yang mustahak terpaksa disediakan.

Soal Perbelanjaan

Di sini timbul satu soal yang lain yang penting iaitu soal perbelanjaan. Belanjawan hal-hal agama menurut erti kata kebebasan agama dan menerusi kuasa D.M.M. Sultan-sultan Melayu di Malaya dalam hal itu hendaklah diuntukkan sebanyak yang dikehendaki, daripada kerajaan federal. Tak ada ertinya kebebasan menjalankan hal agama jika tangga untuk itu tidak diberi secukupnya. Oleh kerana wang adalah syarat utama dalam memajukan perjalanan agama maka D.M.M. Sultan-sultan Melayu selayaknya menuntut di atas dasar hak mutlak mereka dalam pentadbiran agama, supaya tak ada sekatan perbelanjaan dalam hal itu dari pihak kerajaan federal. Ini sebenarnya soal yang patut mendapat perhatian D.M.M Sultan-sultan Melayu dan kita percaya bahawa jika soal perbelanjaan jabatan-jabatan agama ini diletakkan pada pertimbangan jabatan itu sendiri atau pun pada pejabat yang tunduk di bawah Majlis Mesyuarat Raja-raja Melayu yang bertanggungjawab dalam hal agama maka banyak kemajuan Islam didapati di Tanah Melayu. Kita juga percaya bahawa di dalam jabatan-jabatan agama sekarang ini banyak anggota-anggota yang cukup bagi menjalankan usaha-usaha memperbaiki Islam di Malaya tetapi semuanya bantut sebab belanjawan jabatan-jabatan itu tunduk di bawah rahmat perbendaharaan federal.

Dengan kuasa perundangan yang tersebut dan dengan tenaga pelaksanaan yang cukup itu maka Islam di Malaya mendapat kekuatan untuk tegak. Kebenaran Islam hendaklah disokong oleh kekuatan jika pelaksanaannya hendak disempurnakan. Tak ada gunanya memperkatakan kebenaran kalau tak ada pelaksanaan baginya.

Dengan jalan-jalan yang berupa keras, yang berupa perundangan dan pentadbiran tadi, Islam menguasai negeri ini pada zahirnya. Kita sedia mengetahui bahawa kekuatan Islam itu bukan hanya menerusi itu tetapi juga dengan menyusup ke jiwa manusia dan akalnya.

Ilmu Pelajaran Agama

Untuk menakluk hati dan fikiran penduduk-penduduk di Malaya maka marilah kita mengarahkan pandangan kita kepada ilmu dan ajaran-ajaran agama pula. Buat masa ini di Malaya

ajaran-ajaran agama itu lebih berat kepada segi ibadat sahaja. Bagi memperbaiki Islam di Malaya langkah pembaharuan dalam pengajaran mestilah diambil. Pengajaran hendaklah diperluaskan hingga meliputi semua lapangan hidup. Segi pembinaan dari ajaran Islam itu hendaklah diberi layanan secukupnya. Aliran baharu yang mengupas soal yang hidup dan hangat diluaskan.

Bagi menjalankannya terpulang kepada alim-ulama kita. Mereka akan mendapat sokongan perundangan tadi. Di dalam langkah ini ulama kita mestilah berfaham luas. Islam adalah satu agama yang luas, kalau di Malaya pada masa ini hanya satu mazhab sahaja yang dikenali, maka ulama kita mestilah memberi penerangan fikiran-fikiran lain menerusi mazhab-mazhab lain pula. Bagi menemui kehendak keadaan dan masa, keluasan agama Islam hanya akan didapati menerusi kajian yang dalam tentang fikiran ulama-ulama dahulu dalam menemui hajat masa dan keadaan.

Penerangan Ulama

Di dalam penerangan ulama kita kepada orang ramai pula, kemudahan Islam penting dinyatakan dan dijadikan dasar. Hanya dengan begitu kita dapat mendekatkan hati orang ramai kepada agama. Pertuturan dan bahasa tulisan ulama hendaklah secara yang dapat difahami orang ramai, mudah dan tepat.

Bagi memudahkan ulama dalam menciptakan itu mereka terpaksalah jauh memasuki masyarakat dengan bersungguh-sungguh. Hanya dengan demikian mereka akan mengetahui kepentingan dan penyakit masyarakat dan dapat mencari jalan menemuinya dan ubatnya menurut kehendak ajaran Islam. Ini pula hanya didapati sekiranya ulama-ulama itu mengikuti peredaran hidup dan memahaminya sedalam yang mungkin dan dalam memberikan fikiran Islam mereka berpandangan luas dan memegang roh Islam, tidak hanya bergantung kepada lafaz undang-undangnya.

Dalam lapangan ini ulama kita tak patut hanya berpegang kepada tasawwuf, fiqh dan tawhid dalam pengajaran dan penerangan mereka bahkan meluaskan ke lapangan akhlak Islam yang sangat besar ertinya dalam memupuk tiga pengajaran itu. Sebenarnya budi pekerti Islam yang pada masa ini hampir-hampir hilang di kalangan masyarakat kita sudah sepatutnya mendapat layanan mereka secara istimewa. Daripada pengalaman, kita dapat menegaskan bahawa dengan tipisnya budi pekerti Islam di hati penganut-penganutnya pengajaran lain sukar melekatnya di hati mereka.

Mungkin dalam menjalankan penerangan itu alim-ulama kita mengadap beberapa tentangan fahaman dan pertikaian pendapat dari ahli-ahli masyarakat yang terpengaruh dengan aliran-aliran lain yang terbit dari desakan keadaan dan masa tetapi kita percaya ilmu ulama itu berpedomankan kemudahan dan keluasan Islam seperti yang disebutkan tadi. Mereka akan dapat mengatasi kesulitan itu dengan senangnya.

Soal Sekolah-sekolah Agama

Walaubagaimana pun kita tak dapat melupakan soal sekolah agama ketika meperkatakan soal pembaikan Islam di Malaya. Sekolah-sekolah agama bukan sahaja tempat menyebarkan pelajaran Islam untuk penuntut-penuntutnya tetapi juga tempat menerbitkan penyebar-penyebar pengajaran itu untuk masyarakat ramai.

Dalam lapangan sekolah-sekolah agama itu ada beberapa perhatian untuk menjadikan lebih berkesan tujuannya. Selain daripada sekolah-sekolah Arab ada beberapa sekolah agama yang memakai bahasa Melayu dalam melangsungkan pengajaran Islam. Pada umumnya, kita percaya bahawa pengajaran Islam lebih baik menggunakan bahasa Melayu untuk maksud pengajaran am. Kita tentulah merasa bagaimana mustahaknya pengajaran Arab seperti yang ada sekarang tetapi eloklah kita renungkan tujuan besar dari sekolah-sekolah agama itu lebih dahulu. Jika kita maksudkan untuk memberi pengajaran itu kepada murid-murid dengan tujuan supaya ia menjadi anggota masyarakat yang tahukan agamanya dan terpengaruh dengan ajaran-ajarannya maka dengan bahasa Arab tentulah banyak masa yang terbuang dan kadang-kadang hasilnya

(sambungan pada muka 34)